



**DASAR SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI
ISO 9001 (QMS), ISO 14001 (EMS), ISO 45001 (OSHMS), ISO 50001 (EnMS),
ISO/IEC 27001 (ISMS), ISO 37001 (ABMS) DAN 5S**

MBSP Komited Untuk:

1. Mewujudkan Dan Melaksanakan Pengurusan Risiko Yang Cepak Dan Berkesan serta Komited Memperuntukkan Sumber-Sumber Yang Mencukupi Bagi Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Seterusnya Mencapai Hala Tuju Organisasi Termasuk Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan Secara Berterusan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - a) Mengamalkan budaya pengurusan risiko dalam urus tadbir
 - b) Mewujudkan komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan
 - c) Melaksanakan pemantauan dan membuat semakan secara berkala untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada serta perubahan-perubahan dalam isu dalaman/luaran untuk memastikan pencapaian objektif dan sasaran MBSP
2. Mempertingkatkan Keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti Secara Berterusan Melalui Perkhidmatan Yang Cemerlang Kepada Pelanggan
3. Mengawal Pembangunan Dan Mencegah Pencemaran Mengikut Undang-Undang Dan Keperluan-Keperluan Lain, Menambahbaik Program Dan Prestasi Alam Sekitar Secara Berterusan
4. Menyediakan serta memastikan persekitaran kerja, kemudahan, peralatan dan sistem kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan, pelawat dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti MBSP.
5. Mematuhi setakat yang praktik semua peruntukan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa, tata amalan industri, pelawat dan keperluan lain yang relevan serta menambahbaik secara berterusan keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MBSP.
6. Melaksanakan kecekapan penggunaan tenaga melalui penambahbaikan yang berterusan dengan kaedah-kaedah seperti berikut :
 - a) Meningkatkan prestasi tenaga secara berterusan dengan mewujudkan dan melaksanakan sistem pengurusan tenaga yang berkesan bersesuaian dengan Bangunan Menara Bandaraya MBSP.
 - b) Menyokong perolehan produk dan perkhidmatan cekap tenaga serta reka bentuk untuk peningkatan prestasi tenaga
 - c) Memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang yang diguna pakai dan keperluan lain yang berkaitan dengan kegunaan, penggunaan dan kecekapan tenaga

- d) Memastikan maklumat dan sumber-sumber yang berkaitan adalah mencukupi bagi mencapai objektif dan sasaran dan menyediakan rangka kerja untuk menetapkan dan mengkaji objektif dan sasaran berkenaan
 - e) Memastikan kakitangan diberikan pendedahan dan kefahaman tentang kecekapan penggunaan tenaga
7. Menjamin dan mempertingkatkan keselamatan maklumat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan kerahsiaan (*Confidentiality – C*), Ketepatan dan Kelengkapan Maklumat (*Integrity – I*) Dan Ketersediaan Maklumat (*Availability – A*) Bagi Menjaga Kepentingan Kakitangan Dan *Stakeholders*.
8. Menjamin Dan Mempertingkatkan Integriti Pengurusan Dan Kakitangan Mengikut Peraturan Dan Undang-Undang Yang Diguna Pakai Untuk Mengekang Aktiviti Suapan/Sogokan Bagi Menjaga Kepentingan Kakitangan Dan *Stakeholders* Dalam Mencapai Visi dan Misi MBSP

MBSP akan :

- a) Melaksanakan program kesedaran latihan yang sewajarnya kepada warga kerja MBSP dan pihak kontraktor
- b) Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja/sub-proses/ aktiviti/persekitaran kerja serta membuat perancangan untuk Program Dan Pelan Tindakan bagi risiko yang dikenal pasti mempunyai status melebihi rendah yang memberi impak kepada MBSP
- c) Membuat semakan semula Dasar dan Penilaian Risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalendar atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan
- d) Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat bagi aktiviti suapan/sogokan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu
- e) Memberi autoriti kepada Auditor Penilaian Pematuhan sebagai badan yang berkecuali
- f) Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi sistem ini
- g) Memastikan penambahbaikan berterusan untuk mencapai objektif Anti-Suapan/Sogokan

SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN BERKUALITI / 5S

MBSP Komited Untuk Mewujudkan Persekitaran Dan Budaya Kerja Yang Berkualiti


.....
DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tarikh : 15 Ogos 2020